



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Kami: Bil.(2)d/m.PTGS/BPH/10/31/99(LG) Jld.2

Tarikh : 27 Oktober 2020

10 Rabiulawal 1442H

EDARAN SEGERA

Seperti di **Lampiran A**

YBhg. Dato'/Tuan / Puan,

PEMAKLUMAN TERKINI BERKAITAN KAEDAH TEMUJANJI PUNGUTAN DOKUMEN PERSERAHAN TANAH (*LANDED*) DAN JUGA TEMUJANJI BIOMETRIK PINDAH MILIK TANAH (NILAIAN MELEBIHI RM5 JUTA) SERTA PERSERAHAN PINDAH MILIK PROJEK (MELEBIHI 50 PERSERAHAN)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan juga surat pemakluman operasi perkhidmatan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGNS) dengan rujukan Bil. (1)d/m.PTGS/BPH/10/31/99(LG)Jld.2 bertarikh 21 Oktober 2020 juga adalah berkaitan.

2. Seperti semua sedia maklum, pihak pentadbiran ini telah melaksanakan kaedah temujanji bagi pungutan dokumen perserahan tanah (*landed*) bermula pada Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 14 Oktober 2020 sehingga kini bertujuan untuk mengawal jumlah kehadiran pelanggan yang berurusan atas faktor mengekang penularan wabak Covid-19 terutamanya di Negeri Selangor.

3. Melalui kaedah sebelum ini, wakil firma atau penyerah perlu hadir dan mengisi borang tempahan tarikh temujanji pungutan secara manual di kaunter yang disediakan oleh pejabat ini, dimaklumkan sehingga 30 Oktober 2020 (Jumaat) slot temujanji pungutan dokumen perserahan telah penuh sehingga tempoh tersebut.

4. Selain itu juga, pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) telah melaksanakan penggunaan Sistem E- SELAMAT bagi setiap urusan Pindah Milik Tanah (PMT) yang melibatkan nilai hartanah melebihi RM5,000,000.00 juta dan ke atas. Pelaksanaan ini bertujuan untuk mengawal sebarang cubaan berlakunya unsur-unsur penipuan di dalam transaksi tersebut. Bagi tujuan itu setiap Pemberi dan Penerima pindahmilik perlu hadir ke pejabat ini untuk mengimbas cap jari dan dokumen pengesahan yang dikeluarkan perlu dilampirkan bersama borang 14A (Borang Pindahmilik Tanah) dan seterusnya diserahkan di pejabat ini untuk didaftarkan.

5. Dalam usaha untuk mempercepat dan mempermudah urusan pendaftaran berkaitan perserahan projek yang melibatkan jumlah perserahan melebihi 50 perserahan atau lebih daripada 50 hakmilik tanah, pejabat ini telah memutuskan supaya pihak yang

**PEMAKLUMAN TERKINI BERKAITAN KAEDAH TEMUJANJI PUNGUTAN DOKUMEN
PERSERAHAN TANAH (LANDED) DAN JUGA TEMUJANJI BIOMETRIK PINDAH MILIK
TANAH (NILAIAN MELEBIHI RM5 JUTA) SERTA PERSERAHAN PINDAH MILIK
PROJEK (MELEBIHI 50 PERSERAHAN)**

terlibat dengan perserahan projek ini, perlu membuat temujanji terlebih dahulu bagi tujuan semakan perserahan tersebut sebelum pembayaran di buat. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kesilapan yang akan melambatkan proses pendaftaran perserahan projek berkenaan.

6. Berikutan daripada tiga (3) perkara di atas, pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGNS) telah mewujudkan dua (2) *templete e-form (Google Form)* bagi tempahan slot "*E-Temujanji*" bagi tujuan "**Temujanji Pungutan Dokumen Perserahan Hakmilik Tanah (Landed)**" dan juga "**Temujanji Biometrik PMT Nilai Lebih RM5 juta & Perserahan Projek**". Kesemua *e-form* ini akan boleh mula diakses oleh pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan pada 28 Oktober 2020 (Rabu) mulai jam 2.00 petang untuk tempahan slot bagi bulan November 2020.

7. Bersama-sama ini disertakan dua (2) lampiran *QR Code* untuk *e-form* yang berlainan urusan seperti di atas bagi tujuan pengimbasan dan pengisian slot temujanji oleh pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Juga dimaklumkan bahawa slot yang disediakan adalah terhad mengikut waktu operasi kaunter perkhidmatan PTGS sepanjang tempoh PKPB ini.

8. Pelaksanaan kesemua kaedah perkhidmatan baru ini adalah sebagai langkah pencegahan berterusan untuk membendung penularan wabak Covid-19 demi untuk keselamatan bersama.

9. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/Tuan / Puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD NORSHAHNAZ BIN MD. ZAHIR)
b.p. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

s.k:

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

**PEMAKLUMAN TERKINI BERKAITAN KAEDAH TEMUJANJI PUNGUTAN DOKUMEN
PERSERAHAN TANAH (*LANDED*) DAN JUGA TEMUJANJI BIOMETRIK PINDAH MILIK
TANAH (NILAIAN MELEBIHI RM5 JUTA) SERTA PERSERAHAN PINDAH MILIK
PROJEK (MELEBIHI 50 PERSERAHAN)**

Ketua Penolong Pengarah (Kanan)

Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah (Kanan)

Bahagian Hasil
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Hakmilik Strata
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Penolong Pengarah

Bahagian Korporat, Audit Pengurusan Tanah dan Inovasi
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Penolong Pengarah I

Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Penolong Pengarah II

Bahagian Pendaftaran Hakmilik
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

PEMAKLUMAN TERKINI BERKAITAN KAEDAH TEMUJANJI PUNGUTAN DOKUMEN
PERSERAHAN TANAH (*LANDED*) DAN JUGA TEMUJANJI BIOMETRIK PINDAH MILIK
TANAH (NILAIAN MELEBIHI RM5 JUTA) SERTA PERSERAHAN PINDAH MILIK
PROJEK (MELEBIHI 50 PERSERAHAN)

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

1. **Majlis Peguam Malaysia
(Bar Council Malaysia)**
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

2. **Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor
(Selangor Bar)**
No.41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Selangor Darul Ehsan

3. **Jawatankuasa Peguam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(Kuala Lumpur Bar)**
Unit 4.02,
Level 4,
Wisma Badan Peguam Malaysia,
No.2, Leboh Pasar Besar,,
50050 Kuala Lumpur

Setiap Firma yang ingin membuat Temujanji Pungutan Hakmilik Tanah (*Landed*) perlu mengimbas Kod QR di bawah dengan mengisi maklumat yang diperlukan



KOD QR e-TEMUJANJI PUNGUTAN
PTG SELANGOR

E-TEMUJANJI PUNGUTAN PTGS



'Sebagai usaha membendung wabak Covid-19, anda diminta mengimbas Kod QR di bawah untuk permohonan e-Temujanji Pungutan PTGS'



Langkah 1



Gunakan kamera anda untuk mengimbas Kod QR di atas

Muat turun aplikasi 'Google Lens' dari Play Store. Gunakan Google Lens untuk mengimbas kod QR di atas.

Langkah 2



Isikan maklumat permohonan yang diperlukan

Langkah 3



Hantar permohonan & tunggu maklumbalas melalui email

Setiap Firma yang ingin membuat Temujanji Biometrik PMT & Perserahan Projek (Landed) perlu mengimbas Kod QR di bawah dengan mengisi maklumat yang diperlukan



KOD QR e-TEMUJANJI Biometrik PMT & Perserahan Projek PTG SELANGOR

E-TEMUJANJI Biometrik PMT dan Perserahan Projek PTGS



'Sebagai usaha membendung wabak Covid-19, anda diminta mengimbas Kod QR di bawah untuk permohonan e-Temujanji Biometrik PMT dan Perserahan Projek



Langkah 1



Gunakan kamera anda untuk mengimbas Kod QR di atas.
Must Turun aplikasi 'Google Lens' dari Play Store. Gunakan Google Lens untuk mengimbas kod QR di atas.

Langkah 2



Isikan maklumat permohonan yang diperlukan

Langkah 3



Hantar permohonan & tunggu maklumbalas melalui email